# KOLEKSI PERCUBAAN

# SPM

# TASAWWUR ISLAM

# 2022

# BAHAGIAN B

# SOALAN 6

JOHOR 1

6 a i. Jelaskan **dua** adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** hak asasi manusia di dalam Islam bagi menjalani kehidupan yang sejahtera. [2 markah]

b i. Senaraikan **tiga** asas pergaulan dalam Islam. [3 markah]

ii. Nyatakan **tiga** prinsip pergaulan Islam. [3 markah]

c i. Jelaskan **dua** tanggungjawab khalifah. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab khalifah. [2 markah]

iii. [6 markah]

| |
|---|
| Yang Dipertua Kesatuan Pekerja-pekerja Malaysia Airport (Kesma), Hussin Shahar berkata, ketua perlu ada integriti dalam diri mereka kerana melalui sikap ini, gejala rasuah sukar untuk berlaku dalam sesebuah organisasi. |
| Rujukan : *Sinar Harian* 13Januari 2022 |

Bagaimanakah integriti seseorang ketua dapat membendung gejala rasuah? Bincangkan

JOHOR 2

**6** (a) (i) Nyatakan **dua** adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam. [*2 markah*]

(ii) Terangkan **dua** cara merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan bermasyarakat [*4 markah*]

(b) Jelaskan **dua** matlamat institusi kekeluargaan Islam. [4 *markah*]

- Bantuan Sara Hidup (BSH)
- Bantuan Khas Covid (BKC)
- Bantuan Prihatin Nasional (BPN)

(c) Senarai di atas merupakan antara bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat Malaysia ketika wabak Covid-19 menular.

Huraikan tanggungjawab rakyat yang menerima bantuan di atas. [*6 markah*]

(d) (i) Jelaskan **dua** prinsip negara Islam. [*2 markah*]

(ii) Terangkan kesan jika terdapat khalifah yang mengabaikan tanggungjawabnya. [*2 markah*]

KELANTAN

> Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud " Sesungguhnya Allah SWT itu indah, Dia suka akan segala yang indah."
>
> (Hadis riwayat Muslim)

6 (a) (i) Nyatakan pengertian kesenian menurut Islam. [2 markah ]

(ii) Terangkan **dua** konsep kesenian menurut pandangan Islam. [4 markah ]

(iii) Senaraikan **empat** etika berhibur dalam Islam. [4 markah ]

(b) (i) Bincangkan **dua** hak khalifah keatas rakyat di bawah kepimpinannya. [4 markah ]

> Konsep syura adalah cara yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah sebagaimana ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

(ii) Setujukah anda dengan pernyataan di atas.
Berikah hujjah anda. [6 markah ]

PAHANG




**6** (*a*) (i) Nyatakan **dua** jenis hiburan yang dibenarkan oleh Islam. [*2 markah*]

(ii) Berhibur secara Islam dapat membentuk individu yang taat kepada Allah SWT. Bincangkan. [*4 markah*]

(*b*) Berikan **empat** konsep kesenian Islam. [*4 markah*]

(*c*) (i) Nyatakan **dua** aspek yang terdapat di dalam Piagam Madinah. [*2 markah*]

(ii) Terangkan **dua** perbezaan antara Negara Islam dengan Negara Bukan Islam. [*4 markah*]

(*d*) Berikan **empat** cara yang boleh dilakukan untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab. [*4 markah*]

PULAU PINANG 1

6. (a) i. Nyatakan **dua** adab pergaulan dalam Islam. [4 markah]

ii. Nyatakan maksud sifat mahmudah dalam pergaulan. [2 markah]

(b) i. Nyatakan **dua** konsep kesenian Islam. [4 markah]

ii. Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]




(c) i. Apakah maksud sistem pemerintahan Islam? [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam. [4 markah]

**PULAU PINANG 2**

6. (a) i. Apakah maksud hiburan dalam Islam? [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** adab dan etika hiburan menurut Islam. [4 markah]

(b) Jelaskan **dua** konsep kesenian dalam Islam [4 markah]

(c) i. Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

> Keharmonian dan kecemerlangan pentadbiran sebuah negara dapat dicapai apabila pemimpin dan rakyat saling menyayangi, menghormati dan mendoakan.

> Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
> *"Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu cintai dan mereka pun mencintai kamu serta yang sentiasa kamu doakan dan mereka pun selalu mendoakan kamu."*
> (Riwayat Muslim)

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan usaha yang boleh dilakukan oleh pemimpin dan rakyat bagi mencapai kejayaan sesebuah negara. [4 markah]

ii. Senaraikan **dua** syarat menjadi khalifah. [2 markah]

(d) Terangkan **dua** perbezaan negara Islam dan bukan Islam [4 markah]

SABAH

6. (a) Kesenian Islam bermaksud aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.

i. Jelaskan **dua** konsep kesenian Islam.

(4 markah)

ii. Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam.

(4 markah)

iii. Rasulullah SAW bersabda:

***"Sesungguhnya Allah itu indah, Dia suka akan segala yang indah"***

(Riwayat Muslim)

Bagaimana pandangan anda tentang kesenian berdasarkan hadis di atas. Huraikan.

(6 markah)

(b) Sistem pemerintahan Islam merupakan satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam.

i. Terangkan **dua** ciri sistem pemerintahan Islam.

(4 markah)

ii. Senaraikan **dua** prinsip negara Islam.

(2 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Apakah maksud kesenian dalam Islam? [2 markah]

(ii) Jelaskan dua adab dan etika yang perlu ada dalam kesenian Islam beserta contoh. [4 markah]

(iii) Terangkan dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud negara Islam. [2 markah]

(ii) Senaraikan dua prinsip negara Islam selain musyawarah. [2 markah]




Gambar di atas menunjukkan tanggungjawab rakyat melaksanakan undian semasa pilihan raya.

(c) (i) Nyatakan agensi yang terlibat dalam menguruskan perkara di atas. [2 markah]

(ii) Apakah kepentingan pilihan raya kepada negara? Bincangkan. [4 markah]

## TERENGGANU

6. *Hiburan dalam Islam merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang selari dengan kehendak syarak.*

(a) (i) Nyatakan **tiga** konsep hiburan dalam Islam. ( 3 Markah )

(ii) Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika hiburan dalam kehidupan ( 4 Markah )

*Islam tidak melarang kesenian selagi tidak melanggar batasan agama dan akhlak.*

(b) (i) Nyatakan **tiga** adab dan etika kesenian menurut Islam. ( 3 Markah )

(ii) Jelaskan **dua** jenis kesenian yang dilarang dalam Islam. ( 4 Markah )

| |
|---|
| Firman Allah SWT yang bermaksud:<br>"Wahai orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah rasul (Muhammad SAW) dan para pemimpin kamu ....."<br>*(Surah al-Nisa' 4 : 59)* |

(c) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab rakyat selain yang dinyatakan dalam ayat di atas. ( 2 Markah )

(ii) Pada pandangan anda, apakah yang akan terjadi jika kita mengabaikan suruhan Allah dalam ayat di atas. ( 4 Markah )

## PERAK

6 (a) Nyatakan **dua** prinsip pergaulan menurut Islam [2 markah]

(b) Jelaskan **dua** adab dan etika berhibur yang bertepatan dengan hukum syarak [4 markah]

(c) Anda dan rakan-rakan sedang leka bermain bolasepak di padang sekolah. Tiba-tiba azan Maghrib berkumandang dari masjid berdekatan.

(i) Nyatakan dua tindakan yang boleh anda dilakukan berdasarkan adab dan etika berhibur dalam Islam. [4 markah]

(d)

| |
|---|
| Bajet 2022 memperuntukkan RM6.6 bilion bagi memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan pekerja keperluan industri. |

*Sumber : Harian Metro, 1 Nov 2021.*

(i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, sebagai seorang pelajar , apakah tindakan yang boleh anda lakukan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir negara terutama dalam bidang teknikal dan industri. [6 markah]

(e) Terangkan **dua** elemen penting pembentukan negara Islam. [4 markah]

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | i. | **Dua** adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam :<br>(a) Berpandukan AQ n AH = AH<br>(b) Menghormati pelbagai budayan adat =H<br>(c) Perhubungan atas dasar iman n takwa kpd Allah =H<br>(d) Mengutamakan kepentingan umum berbanding individu=Ku<br>(e) Mengamalkan **akhlak mulia** setiap masa = A | 1 isi x 2 markah = 2 markah |
| | | ii. | **Dua** hak asasi manusia di dalam Islam bagi menjalani kehidupan yang sejahtera<br>**Hak Asasi Manusia :** kebebasan **ASNHHA**<br>• kebebasan ber**agama**<br>• kebebasan ber**suara**<br>• perlindungan **nyawa**<br>• ke**hormat**an diri<br>• pemilikan **harta**<br>• ke**aman**an n keselamatan | 2 isi x 1 markah = 4 markah |
| | (b) | i. | **Tiga** asas pergaulan dalam Islam :<br>• saling **Mengenali (Ta'aruf)**<br>• saling **memahami (Tafahum)**<br>• saling **bekerjasama (Ta'awun)** | 4 isi x 1 markah = 4 markah |
| | | ii. | **Dua** etika sebagai seorang hakim<br>• Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh (1m) supaya wujud keadilan (1m).<br>• Hakim hendaklah jujur (1m) supaya kewibawaannya dihormati (1m).<br>• Hakim dilarang mensabit kesalahan jika ada keraguan (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan (1m).<br>• Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga (1m) supaya keputusan yang dibuat tepat (1m). | 2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H |
| | (c) | | Contoh jawapan<br>Perintah di atas perlu dilaksanakan kerana hukuman di dalam Islam bersifat memberi pengajaran (I). Hal ini kerana kesannya yang lebih sebagai pencegah dan penghalang (H1) dari mengulangi kesalahan yang sama (H2). Selain itu, pesalah akan rasa tercela, terhina dan terdedah keaiban (H3). Kesannya, pesalah akan berasa insaf dan tidak akan mengulangi perbuatan dosa tersebut lagi (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlu mematuhi perintah Allah SWT agar memperoleh keampunan dan rahmat daripada-Nya (K) | 6 isi x 1 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K |

# JOHOR 2

6. (a) (i) Dua adab dan etika berdasarkan sikstem sosial Islam ialah :-

- Berpandukan Al-Quran dan Sunnah
- Menghormati kepelbagaian budaya
- Perhubungan atas dasar takwa
- Mengamalkan akhlak mulia

(Pilih dua adab dan etika sahaja) [2M]

(ii) Dua cara merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan bermasyarakat ialah :-

- Mengadakan gotong royong membersihkan kawasan
- Mengadakan aktiviti sukaneka bersama jiran
- Membuat majlis rumah terbuka diperingkat kejiranan

(Pilih dua cara sahaja) [4M]

(b) Dua matlamat institusi kekeluargaan Islam ialah :-

- Melahirkan generasi bertakwa
- Menjaga kehormatan manusia
- Membentuk akhlak mulia
- Memastikan kelangsungan zuriat manusia

(Pilih dua matlamat sahaja) [4M]

(c) Tanggungjawab rakyat yang menerima bantuan Covid 19 ialah dengan berjimat cermat ketika menggunakan bantuan yang diberikan dengan tidak membeli barang yang tidak berfaedah seperti rokok, dadah dan sebagainya. Justeru , rakyat hendaklah bersyukur dengan bantuan yang diberikan agar hidup lebih Bahagia [6M]

(d) (i) Dua prinsip negara Islam ialah :-

- Musyawarah - As Syura
- Keadilan - Al Adalah
- Kebebasan – Al Hurriyyah
- Persamaan - Al Musawah

(pilih dua jawapan sahaja) [2M]

(ii) Kesan jika terdapat khalifah yang mengabaikan tanggungjawab ialah :-

- Dimurkai Allah SWT kerana tidak amanah
- Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran
- Terdedah kepada ancaman musuh [2M

(pilih satu jawapan sahaja)

KELANTAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | (a) | (i) | **Pengertian kesenian menurut Islam ialah**<br>Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti seseorang bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak | [1 Isi X 2 m]<br><br>[2 Markah] |
| | | (ii) | **Dua konsep kesenian menurut pandangan Islam**<br>1. Bertujuan untuk mengagungkan Allah SWT sebagai pencipta<br>2. Selaras dengan kehendak syarak yang bersumberkan al-Quran<br>3. Memenuhi tuntutan fitrah manusia yang gemarkan sesuatu yang indah<br>4. Mengandungi aspek akhlak yang mulia | [2 Isi x 2 Huraian<br>= [ 4 markah |
| | | (iii) | **Empat etika berhibur dalam Islam**<br>1. Hiburan yang dapat meningkatkan keimanan<br>2. Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak<br>3. Berteraskan nilai murni/akhlak yang baik<br>4. Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur<br>5. Sederhana tidak keterlaluan | [4 Isi X 1 m]<br><br>[4 Markah] |
| | (b) | (i) | **Dua hak khalifah terhadap rakyat di bawah kepimpinannya.**<br>1. Mendapatkan ketaatan dan kesetiaan daripada orang di bawah kepimpinannya<br>2. Mendapat kerjasama daripada rakyat dalam membangun dan menguruskan negara<br>3. Mendapat nasihat, teguran serta kritikan daripada rakyat agar dapat melaksanakan tugas dengan amanah dan jujur<br><br>**Mana-mana jawapan yang munasabah diterima** | [2 Isi x 2 Huraian<br>= [ 4 markah |
| | | (ii) | **Konsep syura adalah caya yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.**<br><br>Saya bersetuju/sokong/terima<br><br>Kerana ianya merupakan syariat Islam / yang diajarkan oleh Rasulullah SAW / untuk mencari penyelesaian terbaik / dalam menyelesaikan sesuatu masalah / dengan mengambil kira semua pandangan yang diberikan semasa bermesyuarat / dengan itu dapat memberikan kepuasan kepada semua pihak yang terlibat. | 1 Isi<br>1 Huraian<br>1 huraian lengkap<br>1 Huraian tambahan<br>1 huraian lanjut<br>1 kesimpulan<br><br>= [ 6 markah ] |

PAHANG

<table>
<tr><td>6.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>• Nasyid<br>• Bersukan<br>• Alunan zikir<br>• Membaca novel Islamik<br>• Mendengar radio yang tidak melalaikan<br>• Menonton televisyen / filem yang berunsur Islam</td><td>2 isi x 1 m<br>= 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik Pengskoran :-<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskan pandangan (H1)<br>• Huraian ringkas</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan (H2)<br>• Huraian yang lengkap</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan (H4)<br>• Kesimpulan ringkas</td><td>1m</td></tr></table><br>Contoh jawapan :-<br><br>Hiburan Islam bebas dari unsur maksiat (F) seperti pergaulan bebas (H1) yang membawa kemurkaan Allah SWT (H2) Kesimpulannya sebagai orang Islam kita perlu mentaati perintah Allah SWT / meninggalkan larangan-Nya (H3).<br><br>Cadangan jawapan :-<br><br>• Berhibur selari dengan syariat<br>• Bertujuan mengagungkan Allah SWT<br>• Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur<br>• Berhibur secara sederhana tidak melampaui batas<br>• Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak<br>• Tiada pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>• Berteraskan syariat Islam<br>• Mengagungkan Allah SWT<br>• Meliputi aspek iman / akhlak<br>• Membangun potensi umat Islam<br>• Bersifat menyeluruh meliputi fizikal / kerohanian</td><td>4 isi x 1 m<br>= 4 m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | • Perpaduan<br>• Keselamatan<br>• Hubungan luar<br>• Jaminan sosial<br>• Tanggungjawab<br>• Hak asasi manusia<br>• Kepimpinan negara<br>• Pengiktirafan kepelbagaian kaum<br>• Penguatkuasaan undang-undang<br>• Kebebasan mengamalkan agama | 2 isi x 1 m<br><br>= 2 m |
| | | (ii) | (see table below) | 4 isi x 1 m<br><br>= 4 m |
| | (d) | | • Meninggikan syariat / syiar Islam<br>• Saling menghormati dalam masyarakat<br>• Meningkatkan / menuntut ilmu / kemahiran<br>• Mematuhi arahan pemerintah / kerajaan yang patuh syariah<br>• Menyelesaikan urusan secara rundingan / muafakat / syura<br>• Mematuhi peraturan / undang-undang / perlembagaan negara<br>• Amanah / berintegriti<br>• Mempertahankan agama / negara<br>• Membantu golongan yang memerlukan<br>• Ikhlas ketika menyumbang / membantu<br>• Melaporkan jenayah kepada pihak berkuasa<br>• Meningkatkan sumber pendapatan / ekonomi<br>• Menyokong program pendidikan anjuran kerajaan | 4 isi x 1m<br><br>= 4 m |

(c)(ii)

| Bil | Negara Islam | Negara Bukan Islam |
|---|---|---|
| 1. | Merangkumi seluruh dunia /<br>Batas sempadannya selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah | Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi /<br>Mementingkan taraf kewargaan rakyat |
| 2. | Allah SWT sebagai kuasa tertinggi | Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan |
| 3. | Iman / takwa sebagai ciri utama ketua negara dan rakyat biasa | Mengabaikan syarat iman / takwa dalam memilih pemimpin |
| 4. | Undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara | Undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara |

PULAU PINANG 1

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | a | i | Dua adab pergaulan dalam Islam<br>• **Menjaga tutur kata** supaya tidak menyakiti hati orang lain.<br>• Berlaku **adil dan ihsan** terhadap sesama manusia.<br>• **Menghormati** dan tidak menghina orang lain<br>• **Menjaga batasan aurat**<br>• **Menjaga batasan pergaulan** antara lelaki dengan perempuan.<br>• **Bersangka baik dengan orang lain** | 2 isi x 2= 4 markah |
| | | ii | **Maksud sifat mahmudah dalam pergaulan**<br>- Sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain. | 1 isi X 2 = 2 markah |
| | b | i | Dua konsep kesenian Islam<br>• **Mengagungkan Allah** SWT<br>• **Membangun potensi** umat Islam<br>• **Berteraskan syariat** Islam<br>• Meliputi aspek **iman dan akhlak**<br>• Bersifat menyeluruh **meliputi fizikal dan kerohanian.** | 2 isi x 2 = 4 markah |
| | | ii | Dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam<br>• Mengakui dan **meyakini kekuasaan Allah SWT/** Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan.<br>• **Meningkatkan keimanan dan ketakwaan/** kepada Allah SWT.<br>• **Mengetahui batasan manusia** dalam berkarya/ agar tidak tersasar daripada jalan Allah SWT<br>• **Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam/ di persada antarabangsa**<br>• **Memenuhi fitrah manusia yg menyukai keindahan** selari dengan syarak.<br>• Memberi **panduan /dalam menghasilkan seni yang menepati nilai- nilai akhlak Islam.** | 2 isi x 2 =4 markah<br>1 Isi = 1 markah<br>1 Huraian = 1 markah |
| | c | i | Maksud sistem pemerintahan Islam<br>- pemerintahan negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam. | 1 isi X 2 = 2 markah |
| | | ii | Dua ciri sistem pemerintahan Islam<br>• Meletakkan Allah sebagai pemegang kuasa yg mutlak, manusia sebagai khalifah hanya pemegang amanah.<br>• Peranan umat Islam sebagai khalifah yg diamanahkan utk memakmurkan muka bumi.<br>• Mengamalkan syura dlm pemerintahan berdasarkan al- Quran dan al- Hadis.<br>• Segala perkara yg diputuskan dan dilaksanakan dlm pemerintahan bersesuaian dgn kehendak rakyat serta bertepatan dgn syariat Islam.<br>• Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.<br>• Rakyat terdiri drp golongan yg meyakini prinsip dan dasar negara serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan.<br>• Bebas drp ikatan keturunan, warna kulit, tempat dan sebagainya.<br>• Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak yg mulia dalam semua aspek kehidupan. | 2 isi x 2m = 4 markah |

PULAU PINANG 2

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | i. | Maksud hiburan dalam Islam ialah<br>Merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan mengembirakan hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak (2m). | 1x2m<br>[2 markah] |
| | | ii. | **Dua** adab dan etika hiburan menurut Islam ialah<br>- Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan (2m).<br>- Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak (2m).<br>- Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam (2m).<br>- Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur (2m).<br>- Menghasilkan karya hiburan yang asli (2m).<br>- Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas (2m).<br>- Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat (2m).<br>- Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain (2m). | 2x2m<br>[4 markah] |
| | (b) | | **Dua** konsep kesenian dalam Islam ialah<br>- Mengagungkan Allah SWT (2m).<br>- Berteraskan syariat Islam (2m).<br>- Meliputi aspek iman dan akhlak (2m).<br>- Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian (2m).<br>- Membangun potensi umat Islam (2m). | 2x2m<br>[4 markah] |
| | (c) | i. | **Contoh jawapan**<br>Pemimpin dan rakyat perlu bersatu hati mengembleng tenaga (I) bagi memajukan negara dengan bekerjasama dalam semua aspek seperti kerohanian, ekonomi, politik, kebajikan dan sosial (HR). Hal ini akan membolehkan negara menjadi aman, stabil serta harmoni (HL). Kesimpulannya, pemerintah yang bertanggungjawab serta rakyat yang taat akan dapat memastikan negara terus maju serta mendapat keredaan Allah SWT (K). | 4x1m<br>[4 markah]<br>I+HR+<br>HL+K |
| | | ii. | **Dua** syarat menjadi khalifah ialah<br>- Seorang Muslim yang Mukmin (1m).<br>- Lelaki (1m).<br>- Berilmu dan memahami masalah negara (1m).<br>- Adil dan saksama (1m).<br>- Berkemampuan dari segi mental dan fizikal (1m).<br>- Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik (1m).<br>- Berakhlak mulia dan berani (1m). | 2x1m<br>[2 markah] |
| | (d) | | **Dua** perbezaan negara Islam dan bukan Islam ialah | 2x2m<br>[4 markah] |

| Negara Islam | Negara Bukan Islam |
|---|---|
| 1. Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadannya selagi penduduk mengucap syahadah (1m). | 1. Memisahkan negara berdasarkan geografi dan mementingkan kewarganegaraan (1m). |
| 2. Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi (1m). | 2. Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan (1m). |
| 3. Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama pemimpin dan rakyat (1m). | 3. Mengabaikan syarat keimanan dan ketaqwaan dalam memilih pemimpin (1m). |
| 4. Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara (1m). | 4. Menjadikan undang-undang ciptaan manusia sebagai undang-undang negara (1m). |

PERAK

| | | |
|---|---|---|
| 6 (a) | Dua prinsip pergaulan menurut Islam<br>- Bermatlamatkan keimanan.<br>- Berlandaskan syariat Islam.<br>- Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia berdasarkan ajaran Islam.<br>- Menghormati antara satu sama lain.<br>- Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kejahatan.<br>- Mengutamakan keamanan dan keharmonian. | 2 isi x 1M = 2 Markah |
| (b) | dua adab dan etika berhibur yang bertepatan dengan hukum syarak<br><br>• Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan/kepada Allah SWT<br>• Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak/ yang terkandung dalam al Quran dan hadis<br>• Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur contohnya solat<br>• Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas yang boleh mencemar imej Islam<br>• Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat /seperti pergaulan bebas lelaki dan perempuan<br>• Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam /seperti hormat menghormati antara satu sama lain<br>• Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain /yang boleh membawa pergaduhan<br>• Menghasilkan karya hiburan yang asli / tanpa menciplak karya orang lain | 2 isi x 2M = 4 markah<br><br>Isi + Huraian |
| (c) | • Segera berhenti daripada bermain bolasepak.<br>• Menasihati rakan-rakan agar berhenti bermain .<br>• Segera ke masjid jika masih ada masa.<br><br>(mana-mana jawapan yang sesuai diterima) | 2 isi x 2 M = 4 markah |
| (d) | Cadangan fakta<br><br>- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran<br>- Belajar bersungguh-sungguh<br>- Memasuki mana-mana institusi kemahiran<br>- Menyambung pelajaran di Kolej Vokesional / politeknik / Giat Mara<br><br>Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal dan industri / agar dapat menyumbang kepada pembangunan negara . /Dengan ini negara tidak terlalu bergantung kepada tenaga mahir daripada luar./ Ini dapat menjimatkan wang negara/ kerana dapat mengelakkan pengaliran keluar wang negara ke negara asing./Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia kita mestilah sentiasa bersedia memberikan sumbangan kepada negara melalui pelbagai bidang terutama bidang teknikal dan industri | |
| (e) | Dua elemen penting pembentukan negara Islam<br><br>- Majlis Syura/ iaitu lembaga mesyuarat tertinggi sesebuah negara<br>- Khalifah (Ketua negara)/ yang beragama Islam dan berkelayakan<br>- Wilayah/ yang penduduknya tertakluk kepada sistem pemerintahan Islam<br>- Rakyat /yang terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam<br>- Undang-undang /yang berteraskan al Quran dan Hadis<br>- Badan kehakiman /yang melaksanakan undang-undang Islam<br>- Pentadbiran dan penguatkuasaan /yang dilaksanakan mengikut syariat. | 2 isi x 2 M = 4 markah<br><br>Isi + Huraian |

SABAH

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a). | i. | **Dua konsep kesenian Islam ialah:**<br><br>- Mengagungkan Allah SWT ***dalam karya seni yang dihasilkan.***<br>- Berteraskan syariat Islam *yang* ***berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.***<br>- Meliputi aspek iman dan akhlak ***agar dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.***<br>- Bersifat menyeluruh ***meliputi fizikal dan kerohanian***.<br>- Membangun potensi umat Islam ***dalam menghasikan kesenian yang menepati syarak.*** | 2 isi x 2m<br>4 markah |
| | | ii. | **Dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam ialah:**<br><br>- Mengakui dan meyakini Kekuasaan Allah SWT ***Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan.***<br>- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT ***melalui penciptaan seni yang dihasilkan.***<br>- Memenuhi fitrah manusia ***yang menyukai keindahan selari dengan syarak.***<br>- Mengetahui batasan manusia dalam berkarya ***agar tidak menyalahi akidah.***<br>- Memberi panduan dalam menghasilkan **seni** ***yang menepati nilai-nilai akhlak Islam.***<br>- Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam ***yang menepati kehendak syarak.*** | 2 isi x 2m<br>4 markah |
| | | iii. | Pandangan saya tentang kesenian ialah:<br><br>**<u>Cadangan jawapan:</u>**<br><br>Islam tidak melarang kesenian **(I)** kerana kesenian adalah sesuatu yang unik serta dapat meningkatkan hasil ciptaan seseorang **(H1)** seperti seni khat dan kaligrafi **(H2)** yang boleh mempamerkan keindahan seni tulisan khat yang berbagai jenis **(H3)** untuk dipamerkan kepada generasi muda **(H4). Kesimpulannya** kita hendaklah memperluaskan ilmu pengetahuan berkaitan dengan kesenian agar dapat menaikkan imej umat Islam di mata dunia **(H5)** | 6 isi x 1m<br>6 markah |
| | (b). | i. | **Dua ciri sistem pemerintahan Islam ialah:**<br><br>- Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa ***yang mutlak.***<br>- Peranan umat Islam sebagai khalifah yang diamanahkan ***untuk memakmurkan muka bumi.***<br>- Mengamalkan syura ***dalam pemerintahan.***<br>- Segala perkara yang diputuskan dalam pemerintahan ***bersesuaian dengan kehendak rakyat.***<br>- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar ***iaitu menganjurkan kebaikan serta mencegah daripada melakukan kejahatan.***<br>- Rakyat terdiri daripada golongan yang menyakini prinsip dan dasar negara Islam ***yang ditetapkan.***<br>- Bebas ***daripada ikatan keturunan, warna kulit,dan kawasan geografi.***<br>- Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak ***yang mulia.*** | 2 isi x 2m<br>4 markah |
| | | ii. | **Dua prinsip negara Islam ialah:**<br><br>- Musyawarah<br>- Keadilan<br>- Kebebasan<br>- Persamaan | 2 isi x 1m<br>2 markah |

SARAWAK

6. (a) (i) Apakah maksud kesenian dalam Islam? (ms:129) [2 markah]

- aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia/ bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.

(ii) Jelaskan dua adab dan etika yang perlu ada dalam kesenian Islam beserta contoh. (ms:130) [4 markah]

- menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan.
- hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak.
- kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam.
- sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya.
- mencipta karya yang asli.
- berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas.
- tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat.
- tidak mengganggu atau menzalimi orang lain.

(iii) Terangkan dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam. (ms:132) [4 markah]

- mengakui dan meyakini kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan/ segala sesuatu di muka bumi.
- meningkatkan keimanan dan ketakwaan kpd Allah/ dalam berhibur.
- memenuhi fitrah manusia/ yang menyukai keindahan selari dengan syarak.
-mengetahui batasan manusia dalam berkarya/ agar tidak melanggar syarak.
- memberi panduan dalam menghasilkan seni/ yang menepati nilai-nilai akhlak Islam.
- mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam/ di persada dunia.

(b) (i) Nyatakan maksud negara Islam. (ms:79) [2 markah]

- negara yang mengarajkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam/ yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijtihad yang sebenar.

(ii) Senaraikan dua prinsip negara Islam selain musyawarah (al-syura). [2 markah]

- Keadilan (al-adalah)
- Kebebasan (al-hurriyyah)
- Persamaan (al-musawah)




Gambar di atas menunjukkan tanggungjawab rakyat melaksanakan undian semasa pilihan raya.

(c) (i) Nyatakan agensi yang terlibat dalam menguruskan perkara di atas. [2 markah]

- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM)

(ii) Apakah kepentingan pilihan raya kepada negara? Bincangkan. [4 markah]

- Pilihan raya merupakan satu kaedah kepada rakyat untuk mengundi bagi memilih wakil rakyat/. Hal ini memberi peluang kepada rakyat menentukan masa depan negara/ melalui kewibawaan seseorang pemimpin yang dipilih/. Kesimpulannya, setiap rakyat yang berkelayakan hendaklah membuat pilihan yang tepat ketika mengundi agar dapat memilih pemimpin yang betul.

TERENGGANU

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | (i) | ***Tiga konsep hiburan dalam Islam ialah;***<br>• Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa.<br>• Berhibur selari dengan kehendak syariat.<br>• Meliputi aspek iman dan akhlak.<br>• Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia.<br>• Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan. | 3 isi x 1M<br>( 3 Markah ) |
| | | (ii) | ***Dua kepentingan adab dan etika hiburan dalam kehidupan ialah;***<br>• Meningkatkan keimanan (1m) dengan hiburan yang mengagungkan kehebatan Allah SWT.(1m)<br>• Mengetahui batasan manusia dalam berhibur (1m) agar tidak berlebihan.(1m)<br>• Menjaga maruah diri (1m) daripada terjebak dengan perbuatan yang dilarang. (1m)<br>• Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam (1m) agar mendapat rahmat daripada Allah SWT.(1m) | 2 Isi x 2M<br>( 4 Markah ) |
| | (b) | (i) | **Tiga adab dan etika kesenian menurut Islam ialah;**<br>• Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan.<br>• Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak.<br>• Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam.<br>• Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya.<br>• Mencipta karya yang asli.<br>• Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas.<br>• Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat.<br>• Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain. | 3 Isi x 1M<br>( 3 Markah ) |
| | | (ii) | ***Dua jenis kesenian yang di larang dalam Islam;***<br>• Kesenian yang mengandungi unsur maksiat (1m) kerana akan melalaikan. (1m)<br>• Kesenian yang menyalahi akidah (1m) seperti lagu yang memuja indivdu tertentu. (1m)<br>• Menciplak hasil seni orang lain(1m) yang menimbulkan pergaduhan.(1m) | 2 Isi x 2M<br>( 4 Markah ) |
| | (c) | (i) | ***Dua tanggungjawab rakyat selain yang dinyatakan dalam ayat;***<br>• Membantu membanteras kemungkaran.<br>• Mempertahankan negara.<br>• Menjaga keamanan hidup bermasyarakat.<br>• Menasihati pemimpin ke arah kebaikan.<br>• Berusaha mendalami ilmu pengetahuan.<br>• Menghormati kebebasan beragama. | 2 Isi x 1M<br>( 2 Markah ) |
| | | (ii) | **KBAT**<br>**Contoh jawapan;**<br><br>Nagara akan kucar kacir (F/1m) kerana rakyat tidak mematuhi arahan pemimpin. (H1/ 1m) Hal yang demikian menyebabkan negara mundur dan ketinggalan (H2/1m) Kesimpulannya rakyat perlu mentaati pemimpin selagi tidak bercanggah dengan syarak agar negara makmur dan mendapat rahmat Allah SWT. (K/1m)<br>**(Mana-mana jawapan munasabah diterima)** | Isi 1M<br>H 1M<br>HL 1M<br>K 1M<br><br>( 4 Markah ) |